

10 DEC 2002

Mahathir-Agama/I

KEMANUSIAAN MASIH BELUM KUASAI KEMAHIRAN DAN KAPASITI HIDUP AMAN DAMAI

SHAH ALAM, 10 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata walaupun keamanan menjadi keutamaan semua agama di dunia, kemanusiaan masih belum lagi menguasai kemahiran dan kapasiti untuk saling hidup aman damai antara satu sama lain.

Beliau berkata ada masanya, orang bersedia untuk melupakan perintah agama apabila ia sesuai bagi mereka untuk mentakrifkan semula agama dalam usaha mewajarkan peperangan.

"Perlu ada pemahaman tentang agama...mereka perlu kembali kepada agama dan tidak membiarkan perasaan marah dan emosi menguasai diri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Buddha Sedunia ke-22 dan Persidangan Belia Buddha Sedunia ke-13 di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata ini penting kerana manusia kini hidup dalam dunia yang bimbang dengan ancaman keganasan moden dan keruntuhan moral sambil mendakwa tahu apa yang terbaik untuk mereka.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata agama adalah lebih perlu dan lebih relevan sekarang dalam era sains berbanding dengan semasa manusia jahil.

"Kita tidak harus mengetepikan pengajian mengenai sains, merungkaikannya dan menggunakan pengetahuan yang dibawa oleh sains tetapi kita tidak harus bongkok dengan merumuskan bahawa kepercayaan, agama tidak ada tempat lagi di dunia ini," kata beliau.

Dr Mahathir berkata orang yang masih lagi berpegang kepada agama hanya boleh berdoa dan berusaha untuk membawa mereka, yang beranggapan Tuhan boleh diganti dengan sains, kembali ke pangkal jalan dan disedarkan bahawa peluru berpandu nuklear boleh tercetus dan meledak serta mengeluarkan wahyu yang tidak dipercayai mereka.

"Kita semua harus menangani kegagalan kita dan saya yakin bahawa persidangan anda akan memberi tumpuan kepada banyak masalah yang telah menjejaskan manusia serta peranan agama anda dalam membawa dunia yang keliru kembali waras," katanya.

Dr Mahathir juga membidas pengikut ajaran Mammon yang percaya bahawa Tuhan itu adalah kekayaan seperti yang digambarkan daripada jumlah wang yang dimiliki pengikutnya iaitu lebih banyak wang yang dimiliki, kononnya lebih besar lagi tahap kepercayaan mereka.

Perdana Menteri berkata pengikut ajaran itu akan mengorbankan nyawa berjuta-juta orang dalam usaha untuk memenuhi ketamakan mereka, yang berbeza dengan ajaran agama-agama besar yang lebih menekankan kepada nilai-nilai kerohanian.

"Dengan agama-agama besar ini tidak mengkritik kekayaan, mereka juga tidak menganggap kekayaan itu Tuhan. Kerohanian, ketenangan dan kesejahteraan dunia adalah apa yang diajar oleh agama-agama besar ini," kata beliau.

Beliau berkata dari segi itu, kekayaan yang diperolehi harus disumbang bagi membantu mereka yang kurang bernasib baik, miskin, cacat dan sakit dengan kepuasan rohani muncul daripada perasaan lega selepas dapat membantu yang lain.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting, Presiden Fellowship Penganut Buddha Dunia Phan Wannamethe dan Presiden Fellowship Belia Buddha Dunia Anurut Vongvanij.

Persidangan lima hari itu, yang bertema "Kebijaksanaan dan Ehsan

- Menuju Masa Depan" dihadiri 519 peserta dari 21 negara. Ia adalah kali kedua diadakan di Malaysia sejak 1969.

-- BERNAMA
AZH SHS NAK